

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JANUARI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3

KL20 ke arah hab inovasi ekosistem syarikat pemula

KL20 ke arah hab inovasi, ekosistem syarikat pemula

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Malaysia menetapkan aspirasi KL20, iaitu satu hala tuju untuk menjadi hab inovasi dan ekosistem syarikat pemula di tangga 20 teratas dunia menjelang 2030 yang bakal dilancarkan pada Mac ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, teknologi kecerdasan buatan (AI) merupakan antara tiga faktor kunci kejayaan untuk mencapai matlamat KL20 menerusi ekosistem yang teguh, dasar data terbuka dan ketersediaan bakat.

Menurutnya, KL20 adalah titik tolak terbaik ke arah matlamat untuk meletakkan kedudukan negara sebagai medan ujian dan pintu gerbang ke ASEAN dan seluruh dunia.

“Terdapat tiga faktor kunci kejayaan untuk mencapai matlamat ini iaitu ekosistem yang teguh, dasar data terbuka dan ketersediaan bakat. Namun ketiga dan paling penting adalah ketersediaan bakat tempatan yang akan memacu pertumbuhan teknologi AI negara.

“Usaha giat dijalankan untuk meningkatkan kemahiran digital dan pemahiran semula di semua peringkat masyarakat, dari mengenal pasti cabaran dan peluang dalam landskap bakat digital di Malaysia sehingga menyelaraskan usaha-usaha untuk menambah baik kurikulum pendidikan



RAFIZI Ramli berucap dalam majlis perasmian Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Rakyat di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

sekolah,” katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran program Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Rakyat di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Menurut Rafizi, Malaysia boleh mengubah keraguan menjadi harapan, ketakutan menjadi pemerksaan dan cabaran menjadi peluang untuk menarik minat bakat digital mendalami ilmu dan kemahiran teknologi baharu termasuk AI.

Katanya, menjadi hasrat kerajaan untuk membina saluran bakat yang sihat bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam era digital ini.

“Pelaburan dalam pendidikan dan kemahiran digital bukan sahaja membolehkan kita mengharungi arus perubahan terkini dalam lanskap ekonomi, tetapi juga melengkapkan diri kita untuk memimpin masa hadapan tidak menentu dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada secara optimum,” ujarnya.

Justeru, jelas Rafizi, Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Rakyat ialah inisiatif merapatkan jurang literasi digital dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, AI bukanlah seperti digambarkan Hollywood dan digembar-gemburkan sebagai teknologi yang

akan mengambil alih fungsi manusia seterusnya menawan dunia.

Sebaliknya jelas beliau, bagi golongan pelajar, program berkenaan dapat memberikan gambaran asas tentang dunia AI bertujuan menarik minat mereka untuk menceburi seterusnya membina kerjaya.

“Bagi golongan masyarakat yang lain, program ini dapat memberikan fahaman asas tentang AI agar kita lebih faham yang ia adalah sebuah teknologi yang boleh membawa manfaat besar kepada kita sebagai individu, masyarakat dan seterusnya negara,” katanya.